



***PRINSIP DAN AMALAN PENYUNTINGAN OLEH EDITOR BUKU
AGAMA BERBAHASA MELAYU***

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

FBMK 2020 24



**PRINSIP DAN AMALAN PENYUNTINGAN OLEH EDITOR BUKU
AGAMA BERBAHASA MELAYU**

Oleh

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Ibuku Noor Azah Binti Abd Aziz & Abahku Suhaimi Bin Muhammad
“Angah sudah berjaya ke tahap ini berkat doa dan restu ibu abah”

Kakakku Saiyidatul Amizah serta adik-adikku Nur Nasrin dan Muhammad Syahmi
“Terima kasih doakan angah walaupun angah selalu tiada di rumah; untuk siapkan tesis”

Kaum kerabat dan ahli keluarga yang tersayang
“Doa-doa yang dititipkan buatku sudah Allah makbul. Alhamdulillah”

Sahabat, teman karib, adik dan pemegang segala rahsia: Muhammad Faizuddin Hashim
“Segala-galanya yang dikau buat untukku, Allah sahaja yang boleh balas. Terima kasih untuk semuanya”

Buat Dr tergulung-gulung merangkap penyelia yang digilai ramai:
Dr. Sharil Nizam Sha’ri
“Jasa tuan akanku semat dalam pelayaran kenanganku
Sumbangan keringat dan gagasan dalam kesinambungan penulisanku,
benar-benar daku hargai”

Judin, Akim, Padil, Zikir & Mamad
“Entah, kalau tak tulis nama mereka seakan tak lengkap perjalanan hidupku”

Hameeda Nadzlia Hamzah...

Terima kasih.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PRINSIP DAN AMALAN PENYUNTINGAN OLEH EDITOR BUKU
AGAMA BERBAHASA MELAYU**

Oleh

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

Disember 2019

Penyelia : Sharil Nizam Sha'ri, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Buku agama mendapat perhatian dan menjadi bahan bacaan serta rujukan dalam kalangan masyarakat Islam dewasa ini. Oleh yang demikian, penerbitan buku agama turut melalui proses penyuntingan yang hampir sama dengan bahan bacaan yang lain seperti bahan ilmiah dan sebagainya. Namun begitu, bahan bacaan agama berbahasa Melayu dilihat mengalami ketidakseragaman dari aspek gaya yang melibatkan prinsip dan amalan dalam penyuntingan sehingga mencetuskan kekeliruan masyarakat untuk memperoleh maklumat agama secara tepat. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti prinsip dan amalan penyuntingan yang diterapkan oleh editor buku agama. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk menganalisis pematuhan terhadap amalan penyuntingan serta menghasilkan panduan penyuntingan yang boleh dirujuk terutamanya dalam penyuntingan buku agama. Pendekatan prinsip penyuntingan oleh Einsohn (2011) diterapkan bagi menganalisis prinsip dan amalan penyuntingan selaras dengan objektif kajian ini. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan dua alat kajian iaitu melalui soalan temu bual kepada ketua editor dan 30 soalan kaji selidik kepada editor manakala reka bentuk kajian tertumpu kepada Turutan Penerokaan. Justeru, seramai tiga (3) orang editor yang berpengalaman dalam bidang penyuntingan buku agama serta 48 orang editor buku agama dipilih sebagai sampel kajian bagi penyelidikan ini. Hasil kajian mendapati terdapat enam (6) Prinsip Penyuntingan iaitu Penyuntingan Mekanikal, Penyuntingan Bahagian yang Saling Berhubungan, Penyuntingan Bahasa, Penyuntingan Kandungan, Pemastian Keizinan Dipinta dan Penandaan Arahan. Selain itu, kajian ini berjaya memperoleh dapatan baharu apabila sebanyak 13 tema terhasil iaitu Gaya, Patuh, Konsisten, Nota kaki, Kurungan, Ilustrasi. Kesalahan, Peka, Ragam, Keseimbangan, Penolakan, Kesahihan serta Simbol. Kesemua tema tersebut merupakan lanjutan daripada pendekatan kajian yang dikemukakan oleh Einsohn (2011). Kajian tentang penerbitan buku agama ini turut menghasilkan panduan mengenai prinsip dan amalan penyuntingan bagi membantu gerak kerja para editor buku agama berbahasa Melayu lebih terarah dan berstruktur.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PRINCIPLES AND PRACTICES OF EDITORIAL BY EDITOR OF
ISLAMIC BOOK IN MALAY**

By

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

December 2019

Chairman : Sharil Nizam Sha'ri, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Religious books have gained attention and become a source of reading and referencing among adult Muslim community. For that reason, the publication of religious books also went through a process of editing similar to other reading materials such as scholarly material and so on. However, reading materials written in Malay-language are viewed with inconsistencies in terms of style which involves principles and practices in editing, thus triggering confusion within communities in obtaining religious information accurately. Therefore, this study was conducted to look into the principles and practices of editing applied by religious book editors. Additionally, this study also analysed the adherence towards editing practices as well as producing editing guidelines that can be referenced especially in religious book editing. An approach to editing principles by Einsohn (2011) was applied to analyse the principles and practices of editing, in line with the objectives of this study. In conducting this study, the researcher used two research tools, consisted of interviews with chief editors and 30 survey questionnaires to editors, with the study design focusing on the Sequential Exploratory Strategy. As a result, three (3) experienced editors in religious book editing and 48 religious book editors were selected as the respondents of this study. The results showed that there are six (6) Editing Principles namely Mechanical Editing, Correlating Parts, Language Editing, Content Editing, Permissions and Typing. In addition, this study also gained new insights with the emergence of 13 themes such as Style, Compliance, Consistency, Footnotes, Brackets, Illustrations, Errors, Awareness, Variety, Balance, Rejections, Validity and Symbolism. All of these themes are an extension of the research approach proposed by Einsohn (2011). This study on religious book publication also produced guidance on the principles and practices of editing to help the work of the editors for Malay-language religious books to be more focused and structured.

PENGHARGAAN

Dengan nama-Mu, Ya Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala Puji dipanjatkan ke atas-Mu kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan kajian ini bagi memenuhi syarat memperoleh Doktor Falsafah (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa bantuan dan galakan dari pelbagai pihak sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa saya, Encik Suhaimi bin Muhammad dan Puan Noor Azah binti Abd Aziz yang sentiasa memberi kata-kata semangat dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Doa dan restu mereka yang tidak pernah putus-putus memberi motivasi kepada saya untuk tekun menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan buat Along, Nasrin dan Syahmi serta seluruh ahli keluarga atas doa, semangat jua bantuan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada penyelia tesis saya, iaitu Dr. Sharil Nizam Sha'ri dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia kerana telah memberi sepenuh bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan beliau, adalah suatu yang mustahil untuk saya menyiapkan kajian ini seperti yang ditetapkan oleh pihak fakulti. Saya juga ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, malah tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tanpa bantuan anda semua, agak sukar untuk saya menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang tidak dapat dinyatakan di sini kerana telah membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan bantuan anda semua, saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sharil Nizam Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Wan Muhammad Wan Sulong, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohamad Suhaizi bin Suhaimi, GS47681

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Sharil Nizam Sha'ri

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Wan Muhammad Wan Sulong,

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Editor dan Aktiviti Penyuntingan	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Definisi Operasional	9
1.8.1	Pematuhan	10
1.8.2	Prinsip Penyuntingan	10
1.8.3	Amalan Penyuntingan	10
1.8.4	Penyuntingan	11
1.8.5	Editor	11
1.8.6	Buku Agama	12
1.8.7	Model Komunikasi	13
1.8.8	Komunikasi dalam Islam	14
1.9	Kesimpulan	19
2	SOROTAN LITERATUR	20
2.1	Pengenalan	20
2.2	Sejarah Perkembangan Penerbitan Buku di Malaysia	20
2.3	Sejarah Perkembangan Penerbitan Buku Agama di Malaysia	23
2.4	Kajian Berkaitan Amalan Penyuntingan dan Penerbitan Bahan Bacaan	26
2.5	Kajian Berkaitan Bahan Bacaan Agama	34
3	METODOLOGI KAJIAN	37
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Sampel Kajian	43
3.4	Instrumen dan Kaedah Pengumpulan Data	46
3.5	Kajian Rintis	47

3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	49
3.7	Prosedur Menganalisis Data	52
3.8	Isu-Isu Etika	56
3.9	Kerangka Kajian	56
	3.9.1 Pendekatan Kajian	56
	3.9.2 Kerangka Konseptual	60
4	HASIL KAJIAN	63
4.1	Pengenalan	63
4.2	Prinsip dan Amalan Penyuntingan	63
	4.2.1 Penyuntingan Mekanikal	65
	4.2.2 Penyuntingan Bahagian yang Saling Berhubungan	68
	4.2.3 Penyuntingan Bahasa	69
	4.2.4 Penyuntingan Kandungan	73
	4.2.5 Pemastian Keizinan Dipinta	75
	4.2.6 Penandaan Arah	76
4.3	Pematuhan Amalan Penyuntingan	79
4.4	Panduan Prinsip dan Amalan Penyuntingan Buku Agama	94
	4.4.1 Pembentukan Kendiri Editor Buku Agama	96
	4.4.2 Suntingan Mekanikal	98
	4.4.3 Kandungan Manuskrip	102
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	105
5.1	Pengenalan	105
5.2	Rumusan	105
5.3	Cadangan Kajian Pada Masa Akan Datang	106
	BIBLIOGRAFI	107
	LAMPIRAN	113
	BIODATA PELAJAR	127
	SENARAI PENERBITAN	156

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Senarai Syarikat dan Editor Buku Agama	45
3.2 Nilai Pekali Persetujuan Kappa	50
3.3 Nilai Persetujuan antara Pakar Penilai 1	51
3.4 Nilai Persetujuan antara Pakar Penilai	52
4.1 Pematuhan Prinsip Penyuntingan	64
4.2 Latar Belakang Demografi Sampel Kajian	80
4.3 Buku Mematuhi Gaya Penerbitan	81
4.4 Editor Akur Gaya Penerbitan	82
4.5 Gaya Dewan	83
4.6 Gaya Penerbitan Tersendiri	83
4.7 Kertas Gaya	84
4.8 Rujukan Silang Berbeza dengan Buku Lain	84
4.9 Menyemak Kandungan Ilustrasi	85
4.10 Menyemak Senarai Ilustrasi	85
4.11 Menyemak Senarai Kandungan	86
4.12 Menyemak Nota Kaki	86
4.13 Memperbetul Sendiri Kesalahan Tatabahasa	87
4.14 Minta Penulis Memperbetulkan Sendiri	87
4.15 Konteks Ayat	88
4.16 Mengikuti Perkembangan Bahasa	88
4.17 DBP Sebagai Rujukan Ejaan	89
4.18 Makluman Kekaburan Kepada Penulis	89
4.19 Keseimbangan Isi Kandungan	90
4.20 Latar Belakang Agama	90

4.21	Memastikan Rujukan Dilampirkan	91
4.22	Pembuat Keputusan Penerbitan	91
4.23	Tindakan Tegas Kepada Penulis	92
4.24	Menguasai Penandaan Pruf DBP	93
4.25	Pemahaman Pengatur Huruf	93
4.26	Perbincangan Mendalam Antara Editor dan Pengatur Huruf	94
4.27	Prinsip dan Tema	95



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Rajah Skematik dalam Sistem Komunikasi Umum	13
3.1 Ilustrasi Aplikasi Kaedah Gabungan	41
3.2 Reka Bentuk Turutan Penerokaan	41
3.3 Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi	46
3.4 Proses Analisis Dapatan Kajian	53
3.5 Jadual Transkripsi Rakaman Suara	54
3.6 Jadual Pemindahan Tema Soalan dan Jawapan	54
3.7 Kerangka Konseptual Kajian	61
4.1 Ilustrasi Kendiri Editor Buku Agama	98
4.2 Kertas Gaya Buku Agama	101
4.3 Nota Kaki Untuk Rujukan Hadis	101

SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KDN	Kementerian Dalam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
UNESCO	<i>The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
IIIT	<i>International Institute of Islamic Thought</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Science Social</i>
SK	Sampel Kajian
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam sesebuah penerbitan, inti yang menggerakkan sebuah naskhah ialah bahagian penyuntingan. Penyuntingan dalam konteks ini bermaksud kegiatan membaca semula sesebuah naskhah untuk diterbitkan dengan memerhati aspek format, struktur, isi dan bahasa yang tepat daripada unsur kesilapan dan kesalahan. Kegiatan-kegiatan tersebut pula menjadi penanda kepada komunikasi yang berkesan di antara dua golongan iaitu editor dan juga para pembaca sasaran.

Sehubungan itu, penyuntingan naskhah menjadi jambatan yang menghubungkan penulisan dengan penerbitan (Hamed Mohd Adnan, 2008). Hal ini bermaksud, aspek penyuntingan memainkan peranan yang penting dalam sesebuah penerbitan dan tanpa penyuntingan yang baik, sesebuah naskhah tidak mampu menggugah keinginan membaca seseorang. Apabila keinginan terhadap naskhah yang baik untuk dibaca dan terhindar dari kesalahan tidak dapat dipenuhi, maka komunikasi secara bertulis di antara editor dan pembaca akan berada pada tahap yang rendah.

Editor sesebuah naskhah bukan sahaja memiliki peranan yang sangat penting dalam sebuah penerbitan bahkan merupakan tulang belakang penerbit dan bertanggungjawab ke atas mutu penulisannya. Kebanyakan masyarakat menganggap bahawa tugas seorang editor berkait rapat dengan aspek kebahasaan sahaja sedangkan tugas dan peranannya meliputi kualiti dan mutu penerbitan yang harus dipertingkatkan ke arah yang lebih baik.

Tambahan pula, penggerak sesuatu penerbitan naskhah bukan hanya terletak pada penulis atau pengarang sahaja malah seorang editor itu tidak kurang penting peranannya dalam melariskan jualan sesebuah bahan bacaan. Kadangkala, nama editor yang menangani sesuatu manuskrip tidak dikreditkan dalam ruangan halaman naskhah yang disunting walaupun tugas dan peranannya begitu besar terhadap industri penerbitan.

Oleh yang demikian, penyuntingan naskhah melibatkan pelbagai bentuk bahan antaranya buku, majalah, akhbar, jurnal dan sebagainya. Sebagai seorang editor yang baik, seharusnya mereka mengetahui konsep dan ciri-ciri bahan tersebut dan memudahkan penulisan pengarang supaya mesejnya dapat difahami pembaca dengan mudah. Berbanding dengan bahan-bahan yang lain, buku merupakan alat yang utama dalam proses pendidikan dan pendidikan itu sendiri adalah asas terhadap pembangunan negara (Hamed Mohd Adnan, 2008).

Secara umumnya, penerbitan buku adalah untuk menyediakan bahan bacaan yang membangunkan modal insan dan seterusnya dapat membina intelektual dan spiritual masyarakat secara holistik (Zahazan Mohamed, 2015). Oleh itu, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mentakrifkan buku sebagai lembaran-lembaran kertas yang bercetak, kertas-kertas bercetak itu digabungkan menjadi satu dalam bentuk jilidan, kertas-kertas yang bercetak dan berjilid itu mempunyai kulit yang biasanya menggunakan kertas yang lebih tebal dan berbeza dengan teks, kertas-kertas yang bercetak itu mempunyai lebih daripada 49 halaman dan yang terakhir ialah cetakannya tidak dilakukan dalam masa-masa yang ditentukan dan tidak berturutan dengan penerbitan yang lain.

Tidak dinafikan juga, buku juga merupakan produk seni kerana semasa proses penyuntingan dilakukan, kegiatan tersebut melibatkan seni penyuntingan yang teliti daripada seorang editor. Tambahan pula, semasa menyunting manuskrip, terdapat juga unsur seni yang terlibat seperti pemilihan reka bentuk buku dan ilustrasi isi kandungan yang memiliki daya tarikan yang tersendiri. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Shaharom TM Sulaiman dan Suriati Samsuddin (2004) iaitu daya tarik sebuah buku tidak terlepas daripada tiga perkara penting iaitu menggerakkan fikiran dan jiwa, merangsang inovasi baru dan menggerakkan perbuatan. Hasil rangkuman tersebut menunjukkan bahawa penghasilan sebuah buku meliputi aspek keseluruhan yang terkandung dalam kehidupan seharian.

Di Malaysia, penerbitan buku agama telah menunjukkan kerencakannya setanding dengan penerbitan buku-buku yang lain. Buku agama kini menguasai ruang kebanyakan kedai buku di Malaysia dengan sekitar 20 sehingga 50 peratus daripada ruang lantainya dipenuhi dengan buku sedemikian (Mohamad Azmie Zakaria, 2015). Selain daripada saluran media seperti televisyen dan radio, tidak dinafikan bahawa buku-buku agama juga menjadi pilihan masyarakat untuk mengenali Islam serta sangat berpengaruh dalam gerakan dakwah.

Tambahan pula, pembacaan buku agama ini menyebabkan ramai dalam kalangan remaja dan penjawat awam mengenali Islam (Nurhafiza Hamzah, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi penulisan yang berunsurkan dakwah mampu memberikan impak yang berguna kepada para pembaca. Selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah an-Nur ayat 54 iaitu susunan maklumat yang jelas dan berstruktur mampu memberikan kefahaman yang mudah dan tidak mengelirukan yang berbunyi:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُمْ مَّا حُمِّلْتُمْ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلَّغُ الْمُبِينُ ﴿٥٤﴾

Katakanlah lagi (kepada mereka): "Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah. Kemudian jika kamu berpaling ingkar maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Rasul Allah hanya bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepadanya, dan kamu pula bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu taat kepadanya nescaya kamu beroleh hidayah petunjuk; dan (sebenarnya) Rasul Allah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan penjelasan yang terang nyata".

Berdasarkan sejarah, penulisan karya-karya Islam pada kurun ke-19 dan 20 di Tanah Melayu khususnya dan di Nusantara umumnya telah didominasi oleh penulisan dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawuf (Faisal Ahmad Shah, 2011). Perkembangannya kian pesat saban tahun sehingga muncul menjadi buku akademik dan rujukan para pembaca mahupun pengkaji. Fenomena ini tidak lain dan tidak bukan semata-mata untuk menyebarkan ajaran Islam dalam bentuk komunikasi penulisan. Tambahan pula, medium terbaik dalam penyampaian dakwah ialah menerusi penulisan berlandaskan syariat Islam (Hasninie Mohammad, 2013). Oleh itu, perkembangan bagi penerbitan buku-buku agama selari dengan konsep menyampaikan ilmu dan menyebarkan dakwah khususnya dalam konteks negara Malaysia.

1.2 Editor dan Aktiviti Penyuntingan

Tahap-tahap yang terlibat dengan aktiviti editorial termasuklah pemerolehan dan pemilihan manuskrip, penyuntingan, pendaftaran hak cipta, bidang kepakaran dan kategori penerbitan. Proses seterusnya pula berkaitan dengan kerja pewajahan yang melibatkan reka bentuk dan reka letak sesebuah buku yang bakal diterbitkan oleh syarikat penerbitan.

Oleh yang demikian, suntingan buku merupakan gerak kerja yang penting bagi menjamin kualiti buku yang bakal diterbitkan. Editor buku dapat membantu penulis ataupun pengarang menyampaikan gagasannya dengan jelas dan tepat. Selain itu, gerak kerja ini menjamin reputasi penerbit yang sentiasa menitikberatkan kualiti buku yang diterbitkan. Sebahagian besar daripada tugas editor ialah memastikan manuskrip yang diterima dapat dipindahkan kepada bentuk buku yang sempurna mengikut gaya (*house style*) yang ditetapkan oleh penerbit.

Seterusnya, dapat dilihat bahawa istilah 'editor' lebih lazim digunakan dalam sesebuah organisasi penerbitan yang besar. Oleh sebab terdapat banyak jawatan editor dalam sesebuah organisasi, maka jawatan-jawatan berikut diberi gelaran tertentu berdasarkan tugas khusus para penjawatnya. Mereka yang bertugas mencari bahan, memilih penulis dan melakukan kerja-kerja mengumpul bahan digelar Editor Perolehan.

Seseorang yang berperanan menilai isi bahan sama ada sesuai disiarkan atau tidak dan bertanggungjawab kepada pihak pengurusan terhadap sebarang implikasi penyiaran bahan itu termasuk kemungkinan dipertikaikan dari segi undang-undang digelar Editor Kandungan. Editor Kopi atau *copyeditor* pula berperanan meneliti kesemua aspek bahasa, kelancaran bahasa dan keseragaman gaya paparan manakala mereka yang bertugas menanda teks untuk panduan pereka bentuk dan pereka letak digelar Editor Pengeluaran.

Seterusnya, kelompok editor yang terakhir ialah Editor Substantif yang berkait rapat dengan penyuntingan substantif. Penyuntingan substantif merujuk kepada pembaikan yang dilakukan pada sesuatu karya dari segi isi dan organisasinya (Butcher, 1992). Penyuntingan ini memberi tumpuan pada isi, bentuk organisasi iaitu susunan idea dan tanggapan penulis. Oleh itu Editor Substantif berperanan menulis semula bahagian-bahagian dalam manuskrip tanpa menghilangkan gaya bahasa penulis, memastikan suara penulis sampai kepada pembaca dengan jelas dan berkesan. Jika perlu, editor tersebut boleh menyusun manuskrip itu semula. Selain itu, beliau juga perlu mengenal pasti masalah teknikal, fakta atau sumber fakta, unsur plagiarisme dan seterusnya memastikan tiada unsur yang boleh menimbulkan masalah perundangan.

Semasa melakukan penyuntingan substantif, perkara berikut perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh editor substantif iaitu (a) maklumat yang diberi itu baharu dan semasa, bukan semata-mata olahan semula bahan yang sudah diterbitkan; (b) pandangan dan cadangan yang dikemukakan berasaskan fakta yang sudah didokumentasikan; (c) penulis benar-benar mempunyai sesuatu yang ingin diperkatakan, bukan sekadar menyusun petikan dengan harapan untuk menghasilkan manuskrip bagi diterbitkan; (d) pengaliran ideanya logik dan lancar selain dapat menarik perhatian; serta (e) fakta yang dikemulkannya tidak bercanggah.

Oleh yang demikian, lazimnya editor akan menangani manuskrip penulis dengan peraturan yang sudah ditentukan oleh penerbit mengikut gaya penerbitan berdasarkan penggunaan ejaan, tanda baca, penggunaan huruf besar, penomboran, penggunaan tajuk besar dan kecil, pembahagian bab dan sebagainya. Misalnya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mempunyai 'Gaya Dewan' yang banyak digunakan oleh penerbit-penerbit swasta di Malaysia. Selain itu, gaya penerbitan yang meluas dan sering digunakan di dunia pula ialah gaya penerbitan Universiti Chicago yang didokumentasikan dalam *Chicago Manual of Style*.

Secara umum, selepas proses penilaian dan pemilihan selesai, editor akan membaca setiap karya yang terpilih sebanyak tiga kali atau lebih (Hamed Mohd Adnan, 2008). Pembacaan pertama bertujuan mendapat gambaran umum tentang bahagian yang perlu diubah dari segi isi dan struktur. Seterusnya, pembacaan kedua bertujuan memastikan isu yang dibincangkan dan mengesahkan kesahihan fakta. Akhir sekali, pembacaan ketiga bertujuan menyemak kebenaran dan ketekalan perubahan yang dilakukan oleh editor terhadap manuskrip.

Segala perubahan dan penyusunan semula hujah dan idea hendaklah dijelaskan dalam manuskrip. Bergantung pada dasar dan peraturan penerbit, perubahan itu kadangkala perlu dipersetujui dahulu oleh penulis. Jika perlu, editor hendaklah menulis semula tajuk karya itu agar lebih menepati keperluan penerbitan dan dapat menarik perhatian para pembaca.

Peranan editor sebagai orang tengah di antara penulis dan pembaca dianggap memberi impak yang besar dalam penghasilan karya yang lebih bermutu. Penyuntingan yang dilakukan haruslah terdiri daripada bahan yang baharu, asli dan bertepatan dengan keperluan terkini para pembaca. Sehubungan itu, pengetahuan yang luas terhadap naskhah-naskhah yang pernah diterbitkan dalam bidang yang ditanganinya perlu dikemas kini agar tiada unsur bertindan dalam penerbitan yang akan datang.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian berkaitan prinsip dan amalan penyuntingan banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu misalnya Ross-Hellauer et. al (2017), Zulkifli Abd. Latiff (2015), Shelomi (2014), Selly dan Irene (2013) dan Herawati (2008). Namun begitu, kajian mereka lebih menjurus kepada bahan penerbitan seperti jurnal, buku ilmiah, kamus dan karya terjemahan dan hal tersebut menunjukkan masih tiada kajian yang melihat prinsip dan amalan penyuntingan buku agama berbahasa Melayu secara khusus. Tambahan pula, karya agama penting untuk dikaji terutamanya aspek penyuntingan berikutan kesannya begitu signifikan dalam penyebaran ilmu agama Islam.

Sehubungan itu, pengetahuan tentang penyuntingan sememangnya dapat diperolehi melalui pembacaan yang lebih lanjut. Dalam bahasa Melayu sendiri, buku yang membicarakan perkara ini dengan terperinci ialah *Gaya Dewan Edisi Ketiga*. Namun begitu, tinjauan awal terhadap terbitan buku agama menunjukkan tiada dasar atau gaya penyuntingan yang selaras diterapkan pada bahan bacaan tersebut. Misalnya, rata-rata syarikat penerbitan buku agama berbahasa Melayu hanya merujuk Gaya Dewan dari segi bahasa dan gaya namun tiada prinsip yang konsisten bagi fakta dan maklumat-maklumat agama di dalam naskhah yang disunting tersebut. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Ahmad Zahirudin Mohd Zabidi dan Ahmad Faisal Abdul Hamid (2014) iaitu tiada suatu gerak kerja yang jelas dan lengkap mengenai buku-buku agama secara konsisten.

Oleh yang demikian, keperluan kepada sesuatu dasar dalam sesebuah organisasi merupakan pedoman dan panduan untuk organisasi tersebut beroperasi. Certo (2000) mengatakan “a policy is a standing plan that furnishes broad guidelines for channelling management toward taking action consistent with reaching organizational objectives”. Jelasnya, dasar atau tindakan yang dirangka adalah bertujuan mencapai sasaran dan matlamat yang direncanakan demi memenuhi keperluan organisasi. Sekiranya dasar atau gaya penyuntingan tidak dilakukan secara seragam, reputasi penerbit akan terjejas dan kualiti buku yang dihasilkan turut

mengalami keraguan oleh para pembaca.

Walaupun terdapat garis panduan yang dikeluarkan oleh organisasi-organisasi berwajib dalam penerbitan buku agama berbahasa Melayu misalnya JAKIM dan DBP, namun masih terdapat lagi kelompongan yang perlu diperkemas bagi prinsip penyuntingan yang lebih mapan terhadap bahan bacaan tersebut. Hal tersebut sekiranya dipandang enteng akan menyebabkan proses penyuntingan buku agama terutamanya terhadap aspek bahasa dan kesahihan fakta dilakukan secara sewenang-wenangnya tanpa pengetahuan agama yang tepat. Tambahan pula, soal kebenaran sesuatu berita atau fakta terutamanya yang berkaitan dengan agama mesti diambil kira (Anzaruddin Ahmad, 2006). Justeru itu, perlunya satu panduan yang lebih mantap dan jelas dalam penyuntingan buku agama agar bidang penyuntingan buku agama ke arah yang lebih bersistematik dan berstruktur.

Penyuntingan dalam bidang komunikasi bertulis amat menitikberatkan fakta yang jelas dan benar. Bertepatan dengan bahan bacaan agama, sesebuah komunikasi melalui penyuntingan naskhah mementingkan hubungan yang menyeluruh termasuklah hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah SWT. Namun begitu, penuliran buku-buku yang menyeleweng daripada pegangan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang menjadi pegangan dalam ajaran Islam sebenar menampakkan fenomena bentuk komunikasi yang tidak mementingkan hubungan sesama manusia dari aspek kebenaran bahan bacaan agama.

Misalnya buku Pengantar Ilmu-Ilmu Islam, Dialog Sunnah Syi'ah dan Tafsir Sufi al-Fatihah yang diharamkan penjualannya di Malaysia kerana mengandungi penyebaran fahaman Syiah (Utusan Malaysia, 2012) membuktikan bahawa komunikasi dalam Islam melalui penyuntingan naskhah harus diberi penekanan yang mendalam agar penerbitan buku sedemikian tidak menjadi rujukan dan panduan oleh para pembaca secara umum.

Daripada perspektif Islam, komunikator memegang kedudukan paling penting dalam komunikasi Islam yang berkualiti seperti kebenaran, kerendahan hati, kebaikan, keadilan, kejujuran, keikhlasan, niat, kebenaran mesej yang disampaikan, pengesahan sumber mesej, dan penyiasatan untuk mengesahkan kejujuran dan ketepatan komunikator (Mohd Yahya Mohamed Arifin, 2007). Justeru itu, editor yang juga merupakan komunikator terhadap bahan suntingan yang ditangani bakal diragui kewibawaannya jika gerak kerjanya tidak menepati ciri-ciri penyuntingan yang berkualiti dan menepati kehendak Islam yang sebenar.

Terdapat juga penyuntingan sesebuah buku itu dilakukan oleh editor yang tidak memiliki kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Kepakaran dalam sesuatu bidang begitu penting kerana sekiranya editor tidak memiliki pengetahuan yang luas tentang bahan yang disunting, kebarangkalian terdapat beberapa aspek seperti penggunaan ragam dan laras bahasa mengalami kekeliruan dan ketaksaan oleh pembaca. Tambahan pula, latar belakang seorang editor juga sangat mempengaruhi proses

kerjayanya sebagai editor (Herawati, 2008). Sehubungan itu, kajian ini tertumpu kepada buku agama yang umum mengetahui bahawa bidang agama memerlukan kepakaran yang tinggi dan rujukan yang lebih terperinci semasa menjalankan aktiviti penyuntingan tersebut.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- I. Menenal pasti prinsip dan amalan penyuntingan oleh editor buku agama berbahasa Melayu.
- II. Menganalisis pematuhan terhadap prinsip penyuntingan oleh editor buku agama berbahasa Melayu.
- III. Menghasilkan prinsip dan amalan penyuntingan buku agama berbahasa Melayu.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

- I. Adakah prinsip dan amalan penyuntingan diterapkan oleh editor buku agama berbahasa Melayu?
- II. Bagaimanakah pematuhan prinsip penyuntingan oleh editor buku agama berbahasa Melayu dijalankan?
- III. Apakah rumusan bagi prinsip dan amalan penyuntingan oleh editor buku agama berbahasa Melayu?

1.6 Kepentingan Kajian

Secara keseluruhan, kajian yang meneliti tentang keselarasan prinsip penyuntingan buku agama ini akan menghasilkan sumbangan yang bermutu tinggi dalam dunia penyuntingan dan penerbitan buku di Malaysia. Hasil daripada rumusan prinsip dan amalan penyuntingan tersebut, sebuah cadangan panduan penyuntingan buku agama dapat dihasilkan. Hal tersebut membantu para editor buku agama membuat rujukan sekali gus dapat mengurangkan kadar kesilapan semasa proses penyuntingan dijalankan.

Masalah ataupun kesilapan dalam proses pengeluaran buku juga akan dapat dikurangkan sekiranya penelitian yang tinggi diamalkan oleh editor semasa proses penyuntingan buku agama berlangsung. Kelancaran bagi penerbitan buku yang disunting kebanyakannya akan terganggu akibat kesilapan daripada segi keselarasan, tulisan tidak dapat dibaca, fakta tertinggal dan sebagainya (Hamed Mohd Adnan,

2008). Justeru itu, kebolehbacaan para pembaca amnya dan proses penerbitan buku akan tidak mudah terjejas berikutan aspek-aspek penyuntingan diambil berat oleh pihak yang bertanggungjawab.

Selain itu, cabaran utama penerbitan buku secara umum terletak pada minat dan budaya membaca rakyat Malaysia. Statistik menunjukkan bahawa bilangan buku yang dibaca oleh rakyat Malaysia setahun adalah satu hingga dua buah buku pada tahun 1996, dan lapan hingga 12 buah buku pada 2010 (Poh Swee Hiang, 2015). Piawai UNESCO pula menetapkan bahawa nisbah 0.1 peratus daripada populasi bahan diterbitkan bagi setiap satu juta penduduk setiap tahun sebagai tanda aras kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan bagi sesebuah negara (Budiman Mohd Zohdi, 2017).

Oleh yang demikian, gaya penyuntingan yang lebih sistematik dan berstruktur mampu untuk membantu meningkatkan bidang penerbitan yang bergantung pada budaya membaca penduduk Malaysia. Hal ini secara tidak langsung akan menambah minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia berikutan gaya penerbitan bagi pengeluaran buku agama lebih konsisten dan selaras kerana panduan yang sahih dapat dirujuk oleh pembaca daripada dikhuatiri mendapat pengetahuan agama yang terpesong.

Umum mengetahui bahawa para pengamal media juga dibenarkan untuk menyelitikan unsur-unsur komersial berikutan hal tersebut lebih menjamin pendapatan lumayan bagi sesebuah karya bercetak. Dengan kata lain, bukan bermakna para penerbit tidak boleh memikirkan keuntungan, tetapi mereka perlu sedar bahawa bukan itu sahaja matlamatnya. Para pengamal media juga perlu menyedari bahawa tanggungjawab menyampaikan Islam walaupun dengan hanya sepotong ayat adalah tanggungjawab setiap individu Muslim tanpa mengira bidang profesion mereka (Anzaruddin Ahmad, 2006). Oleh itu, kajian ini mampu memberi kesedaran kepada pengamal media akan matlamat utama dalam penghasilan karya bercetak secara khusus yang sebenarnya masih mendapat tempat dan perhatian para pembaca.

Kerajaan Malaysia amat menyokong perkembangan industri buku dan undang-undang yang berkaitan dengan penerbitan bahan bercetak yang sedia ada di negara ini (Awang Sariyan, 2015). Oleh itu, kerjasama dengan institusi kerajaan ataupun swasta terutamanya bagi badan agama Islam dapat diwujudkan untuk merealisasikan hasrat murni kerajaan terhadap penerbitan buku di Malaysia. Kerajaan juga akan dapat menetapkan garis panduan bagi menerbitkan buku-buku agama yang melibatkan kepakaran dan penelitian para editor agar kekeliruan dan ketaksaan bahasa dalam ilmu agama dapat dielakkan. Hal ini demikian kerana, bidang agama itu sendiri adalah sesuatu yang suci dan mulia dalam kehidupan sejagat dan menjadi tanggungjawab bersama untuk digalas oleh semua lapisan masyarakat.

1.7 Skop Kajian

Pemilihan peserta bagi kajian ini hanya tertumpu kepada penyunting atau editor buku daripada 21 buah syarikat penerbitan buku agama yang secara suka rela bersetuju memberi kerjasama dalam kajian ini. Daripada jumlah syarikat tersebut, seramai 48 orang editor dipilih menjadi sampel kajian untuk soal selidik manakala tiga orang editor yang berpengalaman dijadikan sampel kajian untuk temu bual. Hal ini bertepatan dengan kenyataan bahawa sesuatu sampel tertentu dipilih dengan sengaja kerana mempunyai ciri-ciri yang berupaya untuk membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang banyak, terperinci, serta kefahaman yang mendalam tentang permasalahan dan persoalan kajian (Tongco, 2007).

Selain itu, Mohd. Majid Konting (2005) menyatakan bahawa sesuatu kajian wajar dilakukan sama ada populasi itu besar atau kecil, mudah atau kompleks dan yang penting kita perlu mengenal pasti populasi dengan tepat dan jelas. Tambahan pula, perancangan pemilihan sampel bergantung pada tujuan kajian dilakukan (Sekaran, 2003) dan juga melibatkan tahap keyakinan pengkaji ke atas kajian yang hendak dibuat (Neuman, 2003).

Signifikan pemilihan syarikat penerbitan buku agama berikutan tiada lagi kajian yang memberi pengkhususan terhadap aspek penyuntingan buku agama berbanding aspek penerbitan yang banyak dijalankan kajian terhadapnya. Dalam kajian ini juga, pengkaji memberi tumpuan kepada prinsip dan amalan penyuntingan yang dilaksanakan oleh para editor sahaja tanpa melibatkan unit lain seperti pemasaran, pengeluaran, pereka letak dan sebagainya walaupun unit-unit tersebut memberi sumbangan dalam aktiviti penerbitan dan penyuntingan.

Selain itu, pengkaji menumpukan kajian ini terhadap buku-buku agama berbahasa Melayu terbitan tempatan iaitu Malaysia sahaja walaupun umum mengetahui penerbitan yang menggunakan bahasa Melayu juga terdapat di Indonesia, Singapura, Selatan Thailand dan Brunei. Pengkaji juga memilih sampel kajian yang bertugas di syarikat penerbitan yang masih beroperasi dan mengeluarkan bahan bacaan agama berbanding syarikat yang pernah atau tidak lagi beroperasi buat masa kini.

1.8 Definisi Operasional

Setiap maklumat yang terlibat dalam kajian boleh didefinisikan secara operasional. Definisi operasional merupakan definisi yang bersifat khusus, boleh diukur melalui pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian (Sidek Mohd Noah, 2007). Justeru, definisi operasional dalam kajian ini ialah pematuhan, prinsip, amalan, penyuntingan, editor dan buku agama.

1.8.1 Pematuhan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pematuhan didefinisikan sebagai perbuatan mengikut perintah. Hal ini bermaksud, pematuhan menjadikan sebarang arahan ataupun garis panduan yang dikeluarkan harus dilaksanakan sebaik yang mungkin. Pematuhan ini juga berasal daripada kata kerja 'patuh' yang boleh diertikan sebagai akur, ikut dan turut atau makna yang lebih tepat berdisiplin (Nur Ilyana Ismarau Tajuddin dan Zawiyah M. Yusof, 2015)

Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini, gerak kerja pematuhan merupakan sesuatu yang harus diaplikasikan oleh para editor terhadap bahan yang disunting baik dari segi garis panduan mahupun prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh syarikat penerbitan. Seorang editor diberi tata cara pelaksanaan penyuntingan dan pematuhan ini menjadikannya berdisiplin ataupun tidak.

1.8.2 Prinsip Penyuntingan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) mendefinisikan prinsip sebagai asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan dan lain-lain serta hukum ataupun sesuatu teori. Dalam erti kata lain, prinsip merupakan pegangan umum yang menjadi panduan para editor untuk menjalankan aktiviti penyuntingan. Sesebuah syarikat penerbitan yang cemerlang akan mewujudkan prinsip yang menjadi dukungan para editor dalam melaksanakan tugas-tugas penyuntingan.

Namun begitu, prinsip bukanlah hal yang harus dipatuhi secara menyeluruh dan editor mempunyai pilihan sama ada untuk melaksanakannya ataupun tidak. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Einsohn (2011) iaitu kadangkala editor mendapati bahawa mereka berhadapan dengan konflik sama ada untuk memilih keperluan dan kemahuan syarikat penerbitan mereka. Dalam kajian ini, prinsip penyuntingan yang dikaji berdasarkan enam *Principal Task* serta disesuaikan dengan prinsip komunikasi dalam Islam yang memperlihatkan seorang editor sebagai perantara kepada penyampaian isi kandungan buku kepada para pembaca.

1.8.3 Amalan Penyuntingan

Aspek ini memerlukan para editor memahami dunia penerbitan yang melibatkan ketekunan dan ilmu yang mendalam menerusi cabang penyuntingan. Lazimnya, terdapat tiga langkah diperlukan semasa proses penyuntingan dijalankan. Menurut Sharil Nizam Sha'ri (2015), bacaan pertama untuk mendapatkan *mood* secara umum tentang kandungan teks yang hendak disunting, bacaan kedua untuk mengenal pasti kandungan setiap bab dan yang terakhir membaca untuk melakukan kerja-kerja penyuntingan.

Dalam ilmu penerbitan, amalan dapat dilihat sebagai aturan bagi menerbitkan bahan bercetak berdasarkan susunan tertentu (Hamed Mohd Adnan, 1997). Susunan ini bermula daripada tahap idea dipindahkan kepada bentuk yang boleh dibaca iaitu manuskrip hingga menjadi bahan bercetak sama ada buku atau lain-lain (Zulkifli Abd. Latiff, 2015).

Oleh yang demikian, prinsip dan amalan penyuntingan buku dalam kajian ini menekankan susun atur yang menjadi tindakan para editor terhadap naskhah atau bahan bacaan agama yang dikendalikan. Tindakan yang dilakukan oleh para editor tersebut wajar dijadikan panduan oleh syarikat penerbitan dalam menjalankan proses penyuntingan terhadap bahan bacaan agama.

1.8.4 Penyuntingan

Penyuntingan naskhah berperanan dalam memastikan karya yang akan disiarkan itu baik, tekal gayanya dan bebas daripada kesalahan. Oleh yang demikian, matlamat utama penyuntingan naskhah ialah menghapuskan sebarang halangan yang terdapat pada pembaca dengan sesuatu yang ingin disampaikan oleh pengarang (Butcher, 1992).

Proses penyuntingan ini menjadi tugas khusus para editor seperti (a) memotong, menambah atau membetulkan isi karya mengikut keperluan dan kesesuaian bagi menjamin karya penulis memenuhi piawaian penerbit; (b) memastikan karya memperkatakan tujuan karya itu ditulis; (c) melenyapkan percanggahan fakta; (d) membetulkan ketidaktentuan aspek bahasa seperti ayat, frasa dan pemilihan perkataan, ejaan, tanda baca, penggunaan huruf besar, penggunaan huruf kecil dan kependekan; (e) menentukan keseragaman gaya paparan seperti jadual, senarai petikan, bibliografi, dan nota kaki; (f) memastikan idea penulis berkembang secara logik; (g) memastikan kapsyen berkaitan dengan ilustrasi; serta (h) menandakan arahan (*mark-up*) pada manuskrip dengan memberikan spesifikasi sebenar bagi setiap unsur yang melibatkan muka taip, saiz taip dan jarak antara baris (*leading*).

Justeru itu, penyuntingan yang baik bermula daripada mereka yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam tatabahasa termasuk tanda baca dan penggunaan huruf. Selain itu, penyuntingan yang baik juga perlu mempunyai 'rasa bahasa', daya pemerhatian yang tajam, pengetahuan yang luas, kebolehan menggunakan perkataan yang sesuai dan sifat-sifat positif seperti suka mengambil tahu, teliti dan sabar

1.8.5 Editor

Editor merupakan istilah lain bagi kata nama penyunting dan membawa maksud yang sama bagi kedua-dua istilah tersebut. Namun, penggunaan kata 'editor' dilihat lebih meluas pada masa kini oleh syarikat-syarikat penerbitan berbanding istilah penyunting. Editor ialah kakitangan penerbit yang ditugaskan untuk menangani

sesebuah manuskrip supaya dapat diterbitkan (Hamed Mohd Adnan, 2008). Selain itu, Miller (1993) menghuraikan editor sebagai individu yang bertanggungjawab (a) mencari penulis dan manuskrip baharu; (b) menilai manuskrip; (c) melakukan kerja-kerja penelitian terhadap manuskrip; (d) berurusan dengan Jabatan Reka Bentuk; serta (e) berurusan dengan Jabatan Akaun.

Oleh yang demikian, editor merupakan jawatan yang diberikan kepada individu dalam sesebuah syarikat penerbitan yang tidak terbatas kepada proses suntingan naskah sahaja, malah lebih luas daripada itu bermula daripada proses penerimaan manuskrip sehinggalah diterbitkan ke pasaran. Selain itu, istilah bagi seorang editor dan Pegawai Penerbitan hampir sama dari segi bidang kerjaya tetapi mempunyai perbezaan yang ketara disebabkan bertugas sama ada di sektor kerajaan atau swasta. Bagi penerbit buku swasta, istilah editor diguna pakai oleh hampir semua syarikat penerbitan seperti Galeri Ilmu, Iman Publications, Karya Bestari, Ana Muslim dan sebagainya. Manakala istilah Pegawai Penerbitan diguna pakai di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang bertanggungjawab terhadap perkhidmatan maklumat termasuk pengurusan perpustakaan khas, penerbitan dan sistem dokumentasi.

Bagi editor buku agama, tugas dan peranannya juga begitu signifikan dalam perkembangan ilmu dan pegangan agama Islam terutamanya di Malaysia yang majoritinya beragama Islam. Ciri perwatakan yang baik, pengetahuan dalam aspek bahasa dan berpendidikan agama yang teguh antaranya menjadi nilai tambah yang tepat dalam mengisi jawatan sebagai editor buku agama. Dalam kajian ini, penggunaan istilah 'editor' lebih relevan digunakan kepada sampel kajian kerana skop tugas mereka yang lebih meluas dan mencabar serta melangkaui aspek penyuntingan semata-mata.

1.8.6 Buku Agama

Buku agama ialah healaian kertas berjilid yang bersis tulisan untuk dibaca dalam bidang agama (Nurhafizah Hamzah, 2016). Selain itu, buku agama merupakan jenis buku yang paling aktif diterbitkan di negara ini. Pasaran buku agama agak besar dan kebanyakannya dapat bertahan lama di pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Buku agama mengalami perkembangan yang mendadak selepas berlakunya Revolusi Iran pada akhir 1970-an (Hamed Mohd Adnan, 2008). Beberapa penerbit buku agama seperti Jahabersa, Pustaka Jasmin, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pustaka Salam dan Pustaka Ilmi yang banyak mengutarakan jenis penulisan yang bercorak panduan beribadat seperti solat, menunaikan haji, puasa dan sebagainya.

Sejak kebelakangan ini, para penerbit buku agama meluaskan skop penerbitan mereka sehingga meliputi soal kehidupan sejagat seperti hak asasi, kerja sosial dan keamanan dunia. Selain itu, penerbitan buku agama sebagai contoh, syarikat penerbitan Telaga Biru, Kemilau Publika, PTS Publication dan sebagainya dilihat


telah mendapat tempat di pasaran buku tempatan apabila banyak memaparkan isu-isu yang berkait rapat dengan fenomena semasa.

Berdasarkan kajian ini, buku agama yang dipilih merujuk kepada buku agama berbahasa Melayu keluaran syarikat penerbitan buku swasta di Malaysia. Lazimnya, bidang agama meliputi penggunaan teks berbahasa Arab dan bertulisan jawi secara keseluruhan namun kecenderungan penerbit dewasa ini lebih ke arah kemudahbacaan dan kefahaman masyarakat dan para pembaca. Buku-buku agama yang menjadi rujukan dan bacaan kini lebih bercorak santai dan dipenuhi dengan visual fotografi dan ilustrasi yang menepati cita rasa pada setiap lapisan umur. Terdapat juga buku agama yang menampilkan ciri-ciri buku bercorak motivasi yang diselitkan juga potongan ayat al-Quran dan Hadis.

1.8.7 Model Komunikasi

Model ini telah ditemui oleh seorang ahli Matematik Amerika Syarikat dan jurutera elektronik bernama Shannon serta seorang saintis Amerika iaitu Weaver pada tahun 1948. Mereka telah menghasilkan sebuah artikel yang bertajuk *Bell System Technical Journal* yang turut dikenali sebagai *A Mathematical Theory of Communication*. Selain itu, teori tersebut lebih dikenali sebagai Model Komunikasi Shannon-Weaver.

Model komunikasi tersebut dihasilkan bagi menghuraikan komunikasi yang berkesan di antara penghantar dan penerima sesebuah mesej selain melihat faktor-faktor yang memberi kesan kepada komunikasi yang dikenali sebagai *Noise* (gangguan). Oleh yang demikian, model ini mengetengahkan pelbagai konsep yang dapat dilihat pada gambar rajah berikut:



Rajah 1.1 : Rajah Skematik dalam Sistem Komunikasi Umum

Berdasarkan rajah skematik tersebut, terdapat lima bahagian yang terlibat iaitu:

- a. *Information source* (Sumber informasi): menghasilkan sebuah mesej atau mesej berturutan yang boleh dituturkan kepada terminal penerimaan mesej. Dalam kajian ini, sumber informasi yang terlibat ialah editor buku agama berbahasa Melayu.
- b. *Transmitter* (Pemancar): beroperasi terhadap mesej dan dalam masa yang sama menghasilkan isyarat (*signal*) untuk dipancarkan melalui saluran.
- c. *The channel* (Saluran): berfungsi sebagai penghubung isyarat (*signal*) dari alat pemancar kepada penerima mesej.
- d. *The receiver* (Penerima): lazimnya penerima menghasilkan operasi berbalik daripada aktiviti yang dijalankan oleh Pemancar selain membina semula mesej yang diterima daripada isyarat (*signal*).
- e. *The destination* (Destinasi): mesej yang dimaksudkan terhadap individu atau objek yang terlibat dalam sesebuah komunikasi.

Berdasarkan huraian tersebut, pengkaji mendapati bahawa Model Komunikasi Shanon-Weaver bertepatan dengan prinsip dan amalan para editor yang bertindak sebagai komunikator dalam menyampaikan kandungan bahan bacaan kepada pembaca. Tugas yang digalas oleh para editor lebih berat dan mencabar lebih-lebih lagi bahan suntingan yang diperoleh melibatkan ayat suci al-Quran dan Hadis. Justeru itu, editor buku agama perlu bersiap siaga bukan sahaja dari segi fizikal, malah dari segi mental dan rohani agar karya yang dihasilkan berlandaskan ajaran Islam yang sebenar.

1.8.8 Komunikasi dalam Islam

Komunikasi dalam Islam adalah dengan tujuan untuk menyampaikan kalam Allah di atas muka bumi ini (Amir Aris dan Ahmad Rozelan Yunus, 2009). Sehubungan itu, komunikasi dalam Islam berfungsi dalam usaha menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Terdapat beberapa prinsip komunikasi dalam Islam yang bertepatan dengan ayat suci al-Quran antaranya:

- a. Perancangan yang Rapi

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ



Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(Surah Al-Nahl: 125)

Dapat difahami bahawa perancangan yang rapi harus dilakukan sebelum sesebuah komunikasi itu berlangsung. Hal tersebut mampu melambangkan kriteria perucap mahupun penulis sebagai individu yang pintar dan berkeyakinan dalam menyampaikan maklumat kepada penerima.

Dalam konteks penyuntingan, para editor perlu menyusun atur terlebih dahulu manuskrip-manuskrip yang diterima untuk disunting berdasarkan keperluan dan tarikh yang ditetapkan oleh syarikat penerbitan. Hal ini mampu menjadikan gerak kerja penyuntingan berlangsung dengan lancar dan kesilapan dalam menyunting dapat dikurangkan. Di samping itu, kriteria seorang editor yang baik dapat direalisasikan apabila prinsip ini mampu mendidik individu tersebut menjadi lebih berdidiplin dan bersistematik.

b. Mewujudkan Suasana yang Harmoni

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.

(Surah An-Nisaa: 86)

Komunikator seharusnya mewujudkan suasana yang mesra dan harmoni sebelum proses komunikasi berlangsung. Hal ini demikian kerana, kemesraan ini merupakan elemen penting sebelum sesebuah komunikasi dapat berlaku khususnya komunikasi bersemuka. Salah satu cara membina kemesraan ini adalah melalui ucapan selamat sebagai tanda hormat dan merupakan doa kesejahteraan yang diberikan oleh seorang kepada saudara seagamanya.

Editor yang baik akan membina hubungan yang baik dengan penerbit mahupun para penulis. Hal ini mampu memberi kelancaran dalam gerak kerja penyuntingan di samping memudahkan komunikasi di antara pihak yang terlibat. Sekiranya berlaku ketidakfahaman konteks ayat dalam manuskrip yang dihantar oleh penulis, editor yang bertugas seharusnya bijak menjalankan perbincangan serta perundingan yang menyenangkan kedua-dua belah pihak. Amalan ini juga terapkan di antara editor dan penerbit agar proses pengeluaran dan pemasaran bahan bacaan berlangsung secara lebih efektif.

c. Maklumat yang Benar

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara).

(Surah Al-Ahzab: 70)

Kebenaran dalam menyampaikan maklumat juga merupakan sebuah elemen yang penting semasa proses berkomunikasi sedang berlangsung. Hal ini turut dipandang serius sekiranya komunikasi yang dijalankan bertujuan mengubah golongan sasaran. Keyakinan dan keintiman pendengar terhadap perucap akan berkurang sekiranya berlaku kesangsian tentang kebenaran maklumat yang disampaikan.

Dalam hal ini, kebenaran serta kesahihan bahan bacaan yang dihasilkan oleh syarikat penerbitan menjadi antara faktor penting dalam menentukan kepercayaan para pembaca terhadap syarikat penerbitan yang mengeluarkan buku agama. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab yang besar untuk penerbit dan editor memastikan maklumat yang disalurkan dalam bahan bacaan terhindar daripada aspek kekeliruan, palsu dan keraguan fakta. Tambahan pula, Islam sendiri menganjurkan pertuturan yang benar serta menolak sebarang perbuatan yang mengandungi keraguan dan tidak meyakinkan.

d. Ucapan dan Perkataan yang Baik

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ

إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

(Surah Al-Isra': 53)

Penggunaan perkataan atau bahasa yang baik ketika berkomunikasi perlu dititiberatkan dan disertai dengan nada percakapan yang terkawal dan sesuai. Hal ini demikian kerana, kelembutan dalam pertuturan amat berkesan dalam usaha memujuk untuk mengubah pemikiran dan pendapat manusia.

Dalam konteks penyuntingan pula, editor berperanan dalam mengenal pasti dan memilih perkataan yang tidak menyinggung atau menyentuh sensitiviti sebarang pihak agar kualiti penerbitan yang dihasilkan berada pada tahap yang memuaskan hati pembaca. Hal ini juga mampu memberi perspektif yang positif terhadap agama Islam yang sangat menjaga tutur bicara serta memelihara hati dan perasaan para pendengar mahupun pembaca semasa menelaah sesebuah bahan bacaan.

e. Minta Pandangan Pakar

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِن
حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ
فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

(Surah Ali-Imran: 159)

Merujuk seseorang yang lebih pakar atau berkelayakan dalam sesuatu ilmu mampu menjadikan proses penyampaian maklumat berlangsung dengan mudah. Hal ini demikian kerana, individu-individu yang memiliki kepakaran lebih mengetahui aspek yang perlu ditekankan atau yang perlu disingkirkan dalam meneliti sesebuah maklumat. Keputusan yang dibuat secara bersama sama ada dalam kumpulan atau organisasi jauh lebih tepat berbanding dengan keputusan yang dibuat bersendirian.

Dalam konteks penyuntingan buku agama, pandangan daripada pakar agama sangat dititikberatkan selari dengan kandungan manuskrip yang pastinya mengandungi petikan dari al-Quran dan Hadis. Seorang editor yang tidak memiliki kepakaran dalam bidang agama seharusnya merujuk pakar-pakar agama bagi memastikan kesahihah kandungan bahan bacaan tersebut. Syarikat penerbitan juga memainkan peranan dalam menyediakan ruang berdiskusi antara para editor dan pakar agama.

f. Pertuturan Selari dengan Perbuatan

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾
كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

(Surah As-Saff: 2-3)

Seorang komunikator yang mampu menarik minat pendengar seharusnya melaksanakan perkara yang telah diujarkan serta memberikan contoh teladan yang baik. Perilaku komunikator sendiri harus melambangkan seseorang yang boleh dijadikan model oleh para pendengarnya. Lazimnya, kebanyakan manusia lebih terpengaruh dengan perkara yang mereka lihat berbanding dengan perkara yang didengari.

Oleh yang demikian, editor sebagai komunikator yang berwibawa seharusnya mengatakan sesuatu dengan perbuatan, bukan hanya lisan semata-mata. Sekiranya tanggungjawab yang dipikul memerlukan penelitian yang mendalam terutamanya aspek tatabahasa, struktur dan konteks ayat, seorang editor perlulah melaksanakannya dengan betul dan tersusun. Hal ini supaya pemahaman yang dibawa oleh penulis serta editor dalam bahan bacaan yang dihasilkan turut dapat difahami oleh para pembaca kelak.

Berdasarkan keenam-enam komunikasi dalam Islam yang dinyatakan tersebut, dapat difahami bahawa editor buku agama bukan sahaja disarankan untuk mengikuti prinsip penyuntingan yang sedia ada, malah elemen-elemen keislaman juga seharusnya menjadi prinsip yang perlu dipatuhi. Pematuhan yang dilakukan oleh para editor melalui prinsip penyuntingan serta aspek keislaman tersebut menjadikan karya-karya yang terhasil lebih bermutu dan tiada keraguan yang timbul terutamanya dari sudut pandang para pembaca.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini merangkumi aspek-aspek seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Objektif kajian digunakan sebagai hala tuju kajian ini dilakukan serta untuk menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan. Kepentingan kajian pula dinyatakan untuk menjadi asas kepada sebab kajian ini dilakukan supaya kajian yang dilakukan ini mempunyai nilai kepenggunaannya daripada dapatan kajian yang diperolehi. Selain itu, definisi operasional pula mentakrifkan istilah-istilah penting yang menjadi asas kajian ini dijalankan.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Zahirudin Mohd Zabidi dan Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2014). Membina Pengisian Berpengaruh dalam Media Baharu Melalui Penulisan Dakwah. *Al-Hikmah*, 6(2): 78-90.
- Albatch, P. G. (1975). *Publishing in India: An Analysis*. New Delhi: Oxford University Press.
- Amir Aris dan Ahmad Rozelan Yunus. (2009). *Komunikasi Berkesan*. Melaka: Penerbit UteM.
- Angelski, C, et.al. (2012). The Publication of Ethically Uncertain Research: Attitudes and Practices of Journal Editors. *BMC Medical Ethics*, 13(4): 1-6.
- Anzaruddin Ahmad. (2006). Tanggungjawab Memastikan Kesahihan Fakta Berkaitan Agama dalam Penerbitan Bercetak. *Persidangan Antarabangsa Penerbitan Malaysia-Indonesia*: 165-178.
- Arkib. (2012, Mac 31). Utusan Online. *Tiga Buku Sebar Ajaran Syiah Diharam*, dicapai dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0331&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_13.htm
- Awang Sariyan. (2015, November). Majalah Dewan Bahasa. *Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Penerbitan dan Penterjemahan*. 36-39.
- Bailey, H. S. (1990). *The Art and Science of Book Publishing*. Athens: Ohio University Press.
- Budiman Mohd Zohdi. (2017, Mac 21). Utusan Online. *Dasar Buku Negara Wajar Diperbaharui*, dicapai dari <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/dasar-buku-negara-wajar-diperbaharui-1.459715>
- Bush, T. (2008). *Leadership and Management Development in Education*. London: Sage Publications Ltd.
- Butcher, J. (1992). *Copy-Editing* (Edisi Ketiga). Cambridge: Cambridge University Press.
- Byrd, C. C. (1970). *Books in Singapore*. Singapore: Chopmen Publishing.
- Certo, S. C. (2000). *Modern Management* (Edisi Kelapan). Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Cherif, A., Overbye, D., dan Stefurak, L. (2009). Developing a Paradigm for Academic Leadership Development. *The Journal of Higher Education Management*, 24(1): 16-34.

- Churchill, G. A. (1979). A Paradigm for Developing Better Measures of Marketing Constructs. *Journal of Marketing Research*, 16(1): 64-73.
- Cohen, J. (1960). A Coefficient of Agreement for Nominal Scales. *Educational and Psychological Measurement*: 37–46.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approches* (Edisi Kedua). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J. W., dan Plano Clark, V. L. (2018). *Designing and Conducting Mixed Method Research*. Los Angeles: Sage Publications.
- Darko-Ampem, K.O. (2003). Scholarly Publishing in Africa: A Case Study of the Policies and Practices of African University Presses. Tesis PhD, University of Stirling: Scotland.
- Dellarocas, C. (2003). The Digitization of Word of Mouth: Promise and Challenges of Online Feedback Mechanisms. *Management Science*, 49(10): 1407-1424.
- Einsohn, A. (2011). *The Copyeditor's Handbook: A Guide for Book Publishing and Corporate Communications* (Edisi Ketiga). Berkeley: University of California Press.
- Fadli Abdullah dan Md Sidin Ahmad Ishak. (2016). Kesan Perkembangan Teknologi Terhadap Industri Penerbitan Buku di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15(2): 71-86.
- Faisal Ahmad Shah. (2011). Pengajian Hadis di Malaysia: Perkembangan, Cabaran dan Masa Depan. Prosiding dari ICON-IMAD: *Konferensi Internasional Islam di Dunia Melayu*: 403-409.
- Gaya Dewan Edisi Ketiga. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Giddens, A., dan Sutton, P.W. (2017). *Essential Concepts in Sociology* (Edisi Kedua). Cambridge: Polity Press.
- Greco, A. N., Milliot, J., dan Wharton, R. M. (2014). *The Book Publishing Industry* (Edisi Ketiga). New York: Routledge.
- Greene, J. C. (2007). *Mixed Methods in Social Inquiry*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Gunter, H. M. (2001). *Leader and Leadership in Education*. London : Paul Chapman Publishing.
- Hamed Mohd Adnan. (2001). *Asas dalam Penerbitan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Hamed Mohd Adnan. (2008). *Memahami Penyuntingan Naskhah*. Bangi: Medium Publication.

- Hasninie Mohammad. (2013). *Aspek Dakwah dalam Novel-Novel Terpilih Faisal Tehrani*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Herawati. (2008). *Peran Penyunting Buku Terjemah Arab-Indonesia dalam Dunia Penerbitan*. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia.
- Ishak Hamzah. (2018, Mei 23). Berita Harian. *Reformasi Segera Industri Buku Malaysia*, 15.
- Judd, K. (2001). *Copyediting: A Practical Guide* (Edisi Ketiga). New York: Crisp Learning.
- Judith, S dan McNary, S. (1999). Structural equiting modeling. LISTSERV. E-mail discussion group on August 19.
- Kamarudin, M. F., Starr, K., Abdullah, A. N., dan Husain, K. (2014). Communicating Change in Organizational Restructuring: A Grounded Theory Case Study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 155: 496-501.
- Kimberly, J. R. dan Evanisko, M. J. (1981). Organizational Innovation: the Influence of Individual, Organizational, and Contextual Factors on Hospital Adoption of Technological and Administrative Innovations. *Academy of Management Journal*, 24(4): 689–713.
- Krejci, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- LeCompte, M. D., dan Schensul, J. J. (1999). *Designing and Conducting Ethnographic Research*. New York: Altamira Press.
- Lincoln, Y. S., dan Guba, E. G. (1985). *Naturalistic Inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Luna Torashyngu dan Donna Widjajanto. (2012). *When Author Meets Editor: Cara Jitu Jadi Pengarang Novel Laku*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Marshall, C., dan Rossman, G. B. (2016). *Designing Qualitative Research* (Edisi Keenam). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Mazniza Mohd Nor. (2016, Oktober 20). Editor sebagai pengurus produk. Dicapai daripada <http://sekolahpenulisan.com/editor-sebagai-pengurus-produk/>
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education* (Edisi Kedua). San Francisco: Jossey- Bass.
- Miles, M.B., dan Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis* (Edisi Kedua). Thousand Oaks: Sage Publications.

- Miller, I. (1993). *Successful Bookselling: A Management Training Course*. London: Book House Training and UNESCO Publishing.
- Mohamad Azmie Zakaria. (2015, September 30). Utusan Malaysia. *Mampukah Buku Akademik Jadi Buku Agama?*, 11.
- Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2016, Mei). Majalah Pelita Bahasa. *Sukarnya Berbahasa Santun!*. 10-13.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yahya Mohamed Arifin. (2007). Komunikasi Imam Syafie dalam Penyebaran Islam. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 9(1): 125-136 .
- Muhammad Abu Bakar. (1987). *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muji Setiyo. (2017). *Teknik Menyusun Manuskrip dan Publikasi Ilmiah Internasional*. Yogyakarta: Deepublish Publisher.
- Neuman, W. L. (2003). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. (Edisi Kelima). Boston: Pearson Education.
- Nunnally, J. C. (1994). *Psychometric Theory*. Michigan: McGraw-Hill.
- Nurhafiza Hamzah. (2016). *Penerimaan E-Buku Agama Sebagai Medium Dakwah dalam Kalangan Pelajar dan Pensyarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nur Ilyana Ismarau Tajuddin dan Zawiyah M. Yusof. (2015). Model Tingkah Laku Pematuhan Dasar Penggunaan Internet dalam Kalangan Pekerja di Lembah Kelang. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 4(2): 39-56.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (Edisi Kedua). Newburry Park: Sage Publications.
- Poh Swee Hiang. (2015). Mengukuhkan Industri Penerbitan: Cabaran dan Masa Depan Buku Ilmiah, Buku Teks Sekolah, Bacaan Umum, Kanak-Kanak dan Remaja Serta Majalah. *Persidangan Kebangsaan Industri Buku Negara*. Kuala Lumpur.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2005). Definisi dan Konteks dalam Terminologi Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16: 55-71.

- Roosfa Hashim. (2008, April 21). Utusan Malaysia. *Cabaran Menjadi Editor*, 22.
- Ross-Hellauer, T., Deppe, A., dan Schmidt, B. (2017). Survey on Open Peer Review: Attitudes and Experience Amongst Editors, Authors and Reviewers. *Publishing Research Quarterly*, 12(12): 1-28.
- Roziyah Mohamad. (2011, Jun 2). Siapa penulis di hati editor? Dicapai daripada <http://pts.com.my/berita/penulis-perlu-jadikan-editor-rakan-kongsi-tuan-ann-wan-seng/>
- Salmi Baharom. (2003). *Pengurusan Penerbitan Buku dalam Perkembangan Teknologi Maklumat*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Scott, G. M., dan Garner, R. M. (2013). *Doing Qualitative Research: Designs, Methods and Techniques*. N.J: Pearson.
- Scott, S., dan Bruce R. A. (1994). Determinants of Innovative Behavior: A Path Model of Individual Innovation in the Workplace. *Academy of Management Journal*, 37(3): 580-607.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley and Sons.
- Selly Ayu Rahmadani dan Irene Maria Juli Astuti. (2013). Proses Penyuntingan Kamus Pertanian Umum di Penerbit Penebar Swadaya. *Jurnal Publipreneur*, 1(2): 82-96.
- Shaharom TM Sulaiman dan Suriati Samsuddin. (2004). *Ada Apa Dengan Buku*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Shaharom TM Sulaiman. (2006). Penerbitan Buku-buku Islam dan Kecenderungan Intelektualisme di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Penerbitan Malaysia-Indonesia*: 179-185.
- Sharil Nizam Sha'ri. (2015). Penyuntingan dalam Penulisan Ilmiah: Asas dan Praktis. *Prosiding Kolokium Bahasa, Linguistik dan Komunikasi*: 1-9.
- Shelomi, M. (2014). Editorial Misconduct: Definition, Cases and Causes. *Publications*, 2: 51-60.
- Shema Tariq dan Woodman, J. (2013). Using mixed methods in health research. *Journal of the Royal Society and Medicine*, 4(6), diakses dari <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3697857/>. Doi: 10.1177/2042533313479197.
- Sidek Mohd Noah. (2017). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Taylor, S.J., dan Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings* (Edisi Kedua). New York: John Wiley & Sons.
- Tongco, M. D. C. (2007). Purposive Sampling as a Tool for Informant Selection. *Ethnobotany Research & Applications. A Journal of Plants, Research and Applied Research* : 147-158.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research: Design an Methods* (Edisi Ketiga). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Zahazan Mohamad. (2015). Cabaran dan Masa Depan Penerbitan Buku dan Majalah: Pengalaman Telaga Biru. *Persidangan Kebangsaan Industri Buku Negara*. Kuala Lumpur.
- Zahrah Mokhtar. (2002). *Amalan Pengurusan Pentadbir Akademik Universiti: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mohamad. (2009). *Tip Menjadi Penulis Bestseller*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors.
- Zulkifli Abd. Latiff. (2012). Dasar dan Cabaran Penerbitan Ilmiah dari Perspektif Pengamal Penerbitan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 14(2): 39-54.
- Zulkifli Abd. Latiff. (2015, April). Majalah Dewan Bahasa. *Dasar dan Amalan Penerbitan Buku Ilmiah di Malaysia*. 16-19.